

# Dr. M: Kerajaan tidak mahu rakyat iri hati

BH 20 APR 1982 SEREMBAN, Isnin  
PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, Kerajaan tidak mahu melihat wujudnya rakyat yang iri hati dan kecewa disebabkan oleh pembangunan yang tidak seimbang di negara ini.

Perasaan iri hati dan kecewa ini, katanya, adalah perasaan yang tidak sihat yang akan menyekat segala usaha pembangunan.

Kerajaan sedar akan hal ini dan telah menggubal satu dasar memperseimbangkan pembangunan antara berbagai kaum agar perasaan yang negatif itu hasil dari pembangunan berat sebelah dapat dihapuskan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian ketika meletak batu asas Bandar Baru Ampangan di sini.

Bandar baru tersebut adalah projek Kerajaan Negeri dengan UDA dan dilaksanakan di kawasan seluas 2.5 hektar.

Pembangunan di situ termasuk pembinaan empat blok rumah pangsa, 18 unit rumah kedai, 14 unit gerai dan kemudahan-kemudahan infrastruktur.

Perdana Menteri berkata, rancangan pembaharuan bandar seperti rancangan Bandar Baru Ampangan merupakan rancangan Kerajaan Pusat bersama Kerajaan Negeri untuk memperseimbangkan pembangunan antara kaum.

Katanya, Kerajaan tidak mahu melihat bandar-bandar mencerminkan satu kaum sahaja kerana keadaan demikian akan mengasingkan kaum-kaum sama seperti yang terjadi dalam zaman sebelum Merdeka dulu.

Kerajaan, beliau mengulangi, mahu rakyat mencari saraan hidup dalam suasana yang selesa dan tidak terpisah antara satu dengan yang lain.

Salah satu sebab mengapa Kerajaan men-

## Oleh AMIN OMAR

gorak langkah memodenkan kampung-kampung dan mewujudkan perkampungan moden di bandar-bandar kerana adanya penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar.

Proses penghijrahan ini, katanya, adalah satu proses yang tidak dapat dielak tetapi proses tersebut hendaklah dilakukan dengan cara yang teratur.

Kata Datuk Seri Dr. Mahathir lagi, Kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat tidak mahu melihat mereka yang berhijrah itu tinggal di bandar-bandar dalam keadaan serba kurang dengan membina rumah-rumah kilat atas kawasan-kawasan yang sesak.

Segala rancangan ini akan Kerajaan laksanakan tetapi ia memakan masa dan menelan belanja yang besar, oleh itu rakyat haruslah bersabar.

Ketibaan Perdana Menteri dengan helikopter di Padang NS di sini disambut oleh Menteri Besar Datuk Rais Yatim, Presiden MCA, Datuk Lee San Choon dan lain-lain orang kenamaan negeri.

Beliau kemudian berkereta ke Ampangan dengan didahului oleh 500 orang penunggang motosikal yang membawa bendera-bendera Barisan Nasional.

Hampir 5,000 orang menghadiri upacara perletakan batu asas bandar baru tersebut.